

30 JAN 1999

Mahathir-mata wang

EMPAT CADANGAN DR MAHATHIR KURANGKAN KETIDAKTENTUAN SISTEM KEWANGAN

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keadaan tidak menentu dalam sistem kewangan dapat dikurangkan jika bank berhati-hati dalam memberi pinjaman kepada dana lindung nilai.

Perdana Menteri menyenaraikan empat cadangana untuk mengekang spekulasi mata wang yang keterlaluan, termasuk perlunya kawalan terhadap kelebihan dana lindung nilai dan perdagangan mata wang, lebih-lebih lagi apabila mereka diberikan dana yang berjumlah 20 atau 200 kali lebih besar daripada modal mereka.

"Tak boleh ke kerajaan Malaysia mendapatkan kelebihan seperti itu?" kata beliau pada sesi soal jawab selepas berucap pada jamuan tengah hari sebagai acara sampingan kepada Forum Ekonomi Sedunia di sini semalam.

Sebagai contoh, Dr Mahathir membangkitkan persoalan sama ada terdapat bank yang sanggup meminjamkan kepada Malaysia satu jumlah wang yang bersamaan 20 kali rizab asingnya, umpamanya sebanyak US\$20 bilion.

"Kenapa pula spekulator mata wang diutamakan?" katanya.

Perdana Menteri berkata Rizab Persekutuan Amerika Syarikat dan bank pusat negara-negara lain boleh memantau paras pinjaman supaya peserta pasaran sedemikian tidak menikmati kelebihan yang keterlaluan.

Langkah lain yang beliau cadangkan ialah perlunya peraturan, ketelusan dan mendaftar pedagang mata wang di negara yang mereka beroperasi.

Sementara itu, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew membangkitkan soal mewujudkan rangka kewangan baru sedunia.

Prof Jeffrey Sachs dari Harvard University pula memberitahu pemberita bahawa cadangan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) semasa krisis mata wang tercetus di Asia mengakibatkan panik dan bukannya menyelamatkan keadaan.

Beliau membidas IMF kerana gagal menyediakan kestabilan kepada Brazil apabila ia dilanda krisis kewangan.

Mengenai masa depan negara-negara Asia setelah mereka menghadapi krisis kewangan, Sachs berkata negara-negara ini berada dalam keadaan lebih baik berbanding negara-negara Amerika Latin khususnya setelah berlaku krisis mata wang di Brazil.

-- BERNAMA

SHY MAI